

# Semua artis: Perilasan usai

**KUALA LUMPUR,** Selasa — Datuk Musa Hitam hari ini menjelaskan, sembilan banduan yang dibebaskan sempenya ulang tahun Hari Kebangsaan Ke-25 baru-baru ini tidak mendapat pengampunan sepenuhnya.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri semasa menjawab pertanyaan anggota DAP Jelutong, Encik Karpal Singh, berkata cuma baki hukuman mereka sahaja dibebaskan atau dikurangkan oleh Seri

Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

"Seri Paduka Baginda adalah menjalinkan kuasa-kuasa yang diperuntukkan di bawah Perkarra 42 Perlembagaan dan Peraturanan 29, Peraturanan-Peraturan Perlu (Kes-Kes Keselamatan) 1975.

Datuk Musa kemudian ditanya mengenai bandedan-bandedan tersebut iaitu, Tuminan bin Ahmad, Darlan bin Parwok, Padzil bin Othman, Mohd. Yusof bin Abdullah atau Bala Bin Singh a/l Arjan Singh, See Nga Koh, Din Fung atau Din Pem a/l Din Hwang, Tiam s/o Endin

Chin Mee, Hussin bin Maas dan Mat Ali bin Shariff.

"Suka dinyatakannya bahawa, bandusan-bandedan yang dibebaskan tersebut tidaklah mendapat pengampunan sepenuhnya, tetapi cuma baki hukuman mereka sahaja dibebaskan atau dikurangkan oleh bekas-bawah Dul Yang Maha Mulia, Seri Paduka Baginda, Yang Di-Pertuan Agong yang menjalinkan kuasa-kuasa yang diperuntukkan di bawah Perkarra 42 Perlembagaan dan Peraturanan 29, Peraturanan-Peraturan Perlu (Kes-

Kes Keselamatan) 1975," tegasnya.

Sementara itu, Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, Datuk Mak Hon Nam hari ini menolak dakwaan bahawa kedatangan para pekerja asing di Sabah menyebabkan kadar gaji pekerja tempatan turun.

Sebaliknya, beliau berkata kadar gaji pekerja di sektor perladangan meningkat 81 peratus dalam tempoh lapan tahun pada tahun lalu.

## Melanak

Dalam jawapan bertulis kepada pertanyaan Encik Newman (BN-Bandarau), beliau menjelaskan kadar gaji pekerja di sektor pembalakan meningkat 228 peratus dalam tempoh lapan tahun pada tahun lalu.

"Kementerian saya sedar atas wujudnya tenaga buruh asing di negeri Sabah, Negeri Sabah mengalami kekurangan tenaga buruh mahir dan tidak mahir sejak 1947 lagi dan sejak itu negara-negara Indonesia dan Filipina telah menjadi sumber tenaga buruh bagi Malaysia. Kekurangan yang dihadapi.

"Kebanyakan tenaga buruh asing ini dijalankan kerja-kerja yang tidak mahir dan mereka ini digajikan oleh majikan-majikan besar yang mempunyai lebih 20 pekerja.

# Artis2 RTM bukan di kelab malam'

**KUALA LUMPUR,** Menteri Penerangan, Encik Mohd. Adli Adam hari ini berkata, tujuan utama Kementerian adalah mengemaskini syarat bagi para artis ialah supaya persembahan TV Malaysia pada keseluruhannya dapat mencerminkan keperibadian masyarakat, majmuk negara ini.

Beliau memberitahu anggota BN Hulu Muda, Haji Haashim Endut semasa soal-jawab di Dewan Rakyat, ia juga bermaksud memberi kesedaran kepada artis bahawa rancangan tv adalah berbeza dari pertunjukan di kelab malam dan pentas hiburan.

"Kementerian Penerangan sebenarnya bukan mengaji semua syarat-syarat bagi setiap artis yang menyertai rancangan TV Malaysia, tetapi mengemaskini syarat-syarat yang memang ada dan dilaksanakan selama ini. Umpamanya, syarat-syarat tertentu mengenai rambut, pakaian serta kesopanan pada keseluruhannya memang telah wujud,

tetapi ada antara syarat-syarat ini yang tidak jelas di segi paudangan seneng-selengah artis yang berlainan katanya.

Ini perlu dijelaskan bagi pengetahuan umum, tambah Encik Adli.

Tujuan utama mengemaskini syarat-syarat tersebut ialah supaya persembahan TV Malaysia pada keseluruhannya dapat mencerminkan keperibadian masyarakat,

kesopanan dan kesesuaian masyarakat majmuk Malaysia.

"Ia bermaksud kepada artis bahawa rancangan rancangan tv yang menarik ke rumah-rumah dan ditontonkan umum, perbuatan orang yang mempunyai anak soleha, adalah berlainan dari pertunjukan-pertunjukan di kelab malam ataupun pentas yang terbahas penonitony, serta selera mereka tidak begitu bebas," jelas beliau.

# Masalah khalwat, zina: Nasihat dari Jabatan Peguam Negara

**KUALA LUMPUR,** Selasa — Jabatan Peguam Negara telah mengemukakan nasihat dan mengawal undang-undang bagi memusnahkan kesalahan berkhawlat, berkedudukan secara haram dan zina, ke dalam kanun keseksaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nasir memberitahu Haji Hassan Haji Mohamed (PAS-Rantau Panjang), semasa soal jawab di Dewan Rakyat, laporan jabatan berkenaan telah dipaparkan kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal-Ehwal Agama Islam.

"Sehingga ini satu laporan jabatan

tersebut telah pun dikemukakan kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal-Ehwal Agama Islam yang telah membuat keputusan supaya perkara-perkara yang diliputi oleh laporan jabatan tersebut akan dikemaskini bulat kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal-Ehwal Agama Islam.

"Tindakan lanjut dalam hal ini yang akan dibuat oleh Jabatan Peguam Negara bergantung kepada keputusan Majlis Hal-Ehwal Agama Islam ini, katanya.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia